



جَبَانِنِ اُوْرُوْسِنِ حَاجِ

**JABATAN URUSAN HAJI**  
**KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**

# KURSUS ASAS HAJI

# RUKUN HAJI

Rukun Haji ada **enam** perkara iaitu:

1. NIAT IHRAM

2. WUQUF DI 'ARAFAH

3. TAWAF

4. SA'IE

5. BERCUKUR /  
BERGUNTING

6. TERTIB

# WAJIB-WAJIB HAJI

Wajib Haji itu ada 6 perkara:-

1. Ihram dari miqat.
2. Bermalam di Muzdalifah pada malam 10 Zulhijjah.
3. Melontar Jamratul 'Aqabah pada 10 Zulhijjah.

## WAJIB-WAJIB HAJI (SAMBUNGAN)

4. Bermalam di Mina (2 atau 3 malam).
5. Melontar ketiga-tiga jamrah pada hari-hari Tasyriq 11, 12 dan 13 Zulhijjah.
6. Meninggalkan perkara-perkara yang dilarang semasa berihram.

# PERBEZAAN RUKUN DAN WAJIB HAJI

- Rukun Haji - Jika ditinggalkan atau tidak dilaksanakan sama ada senghaja atau tidak maka ibadat haji itu tidak sah.

# PERBEZAAN RUKUN DAN WAJIB HAJI

- **Wajib Haji** - Jika ditinggalkan atau tidak dilaksanakan, ibadat haji tetap sah akan tetapi diwajibkan membayar Dam dan berdosa jika ditinggalkan dengan senghaja.

# JENIS-JENIS HAJI



3

IFRAD

QIRAN

TAMATTU'

# I. HAJI IFRAD

Haji dan Umrah ditunaikan secara berasingan dengan mendahulukan ibadat haji daripada ibadat umrah.



## 2. HAJI QIRAN

Menunaikan ibadat haji dan ibadat umrah serentak pada bulan haji. Orang yang mengerjakan Haji Qiran ini dikenakan dam atau denda.

### 3. HAJI TAMATTU'

Mendahulukan ibadat Umrah daripada ibadat haji dalam bulan haji pada tahun yang sama. Orang yang mengerjakan Haji Tamattu' ini dikenakan membayar dam atau denda.

# PENGERTIAN UMRAH

Umrah ialah menziarahi Baitullah (Kaabah) di Makkah untuk mengerjakan amal ibadat yang tertentu dengan syarat-syarat yang tertentu.

# DALIL UMRAH

Dari Al-Qur'an:

وَأَتِمُّوا الْحَجَّ وَالْعُمْرَةَ لِلَّهِ

Maksudnya :

**“Dan sempurnakanlah ibadat haji dan umrah kerana Allah semata-mata”** (Surah Al - Baqarah, ayat 196)

# MIQAT UMRAH

## **Miqat Zamani bagi Umrah**

Ibadat umrah tidak ada masa permulaan yang ditetapkan kerana umrah boleh dikerjakan pada bila-bila masa sepanjang tahun. Walau bagaimanapun, bagi mereka yang sedang mengerjakan ibadat haji, maka tidak sah bagi mereka berniat ihram umrah ketika mereka sedang berada di Mina.

# MIQAT MAKANI

## Miqat Makani bagi Umrah

Miqat Makani atau sempadan tempat untuk memulakan niat umrah bagi orang-orang yang datang dari luar negeri ialah tempat yang sama dengan Miqat Makani bagi ibadat haji. Bagi penduduk Makkah dan mereka yang tinggal di sekitarnya, maka miqat mereka ialah Tanah Halal. Apabila mereka hendak mengerjakan ibadat umrah, hendaklah mereka keluar ke Tanah Halal seperti Tan'im.

# RUKUN UMRAH



5

1. NIAT

2. TAWAF

3. SA'IE

4. BERGUNTING / BERCUKUR

5. TERTIB

# WAJIB UMRAH

- Berniat Ihram Umrah di Miqat.
- Meninggalkan perkara larangan semasa ihram.



# PERBEZAAN RUKUN HAJI DAN UMRAH

RUKUN HAJI	RUKUN UMRAH
NIAT IHRAM	NIAT IHRAM
WUQUF DI ARAFAH	TAWAF
TAWAF	SA'IE
SA'IE	BERGUNTING / BERCUKUR
BERGUNTING / BERCUKUR	TERTIB
TERTIB	



جَبَاتَانِ اُوْرُوْسِيْنِ حَاجِ

**JABATAN URUSAN HAJI  
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**

Laman Web : [www.juh.gov.bn](http://www.juh.gov.bn) | E-mel : [juh.kheu@mora.gov.bn](mailto:juh.kheu@mora.gov.bn)